

ANNUAL REPORT
2017
LAPORAN TAHUNAN



ANNUAL REPORT

2017

LAPORAN TAHUNAN


Laporan Tahunan 2017
©2018 Pustaka Negeri Sarawak
Kuching, Sarawak
Malaysia

All rights reserved.
No part of this publication may be reproduced or transmitted
in any form or by any means, electronic or mechanical,
including photocopy or any information storage and retrieval system,
without permission in writing from the publisher.

KANDUNGAN

CONTENTS

PENGENALAN <i>INTRODUCTION</i>	04
PERUTUSAN PENERUSI LEMBAGA PENGURUSAN <i>MESSAGE FROM THE CHAIRMAN, BOARD OF MANAGEMENT</i>	05
PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF <i>MESSAGE FROM THE CHIEF EXECUTIVE OFFICER</i>	06
CARTA ORGANISASI <i>ORGANIZATION CHART</i>	08
AHLI LEMBAGA PENGURUSAN <i>THE BOARD OF MANAGEMENT</i>	09
PENGURUSAN <i>THE MANAGEMENT</i>	16
 <i>BALANCED SCORECARD PREAMBLE</i>	24
KECEMERLANGAN PENGURUSAN ILMU <i>KNOWLEDGE MANAGEMENT EXCELLENCE</i>	25
KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN <i>SERVICE EXCELLENCE</i>	34
KECEMERLANGAN KERJASAMA <i>COLLABORATION EXCELLENCE</i>	44
KAPASITI ORGANISASI <i>ORGANIZATIONAL CAPACITY</i>	55
PENGHARGAAN KEPADA RAKAN KERJASAMA & RAKAN PINTAR <i>ACKNOWLEDGEMENT TO OUR COLLABORATORS & SMART PARTNERS</i>	59
PENYATA KEWANGAN <i>FINANCIAL STATEMENT</i>	60





PENGENALAN INTRODUCTION

VISI | VISION

Menjadi wadah maklumat dan pengetahuan kepada negeri Sarawak.
To be the reservoir and fountain of information and knowledge to the State.

MISI | MISSION

Memberi capaian kepada sumber maklumat dan memelihara warisan intelek negeri Sarawak untuk masyarakat di Sarawak.

To provide access to information resources and to preserve Sarawak's intellectual heritage.

OBJEKTIF | OBJECTIVE

Menggalakkan pembudayaan ilmu pengetahuan di negeri Sarawak.

To promote acculturation of knowledge in the State.



PERUTUSAN PENGERUSI, LEMBAGA PENGURUSAN *MESSAGE FROM THE CHAIRMAN, BOARD OF MANAGEMENT*

Pembaca yang dihormati / Dear readers

Tahun 2017 telah menjadi saksi kepada pencapaian yang amat membanggakan untuk Pustaka Negeri Sarawak. Pustaka berjaya mendapat Anugerah Gangsa, dalam kategori Piala/Trofi Ketua Menteri, untuk Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (AKPANS) 2017. Kriteria anugerah tersebut meliputi aspek kepimpinan organisasi, pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia, pengurusan ICT, budaya kecemerlangan organisasi, pengurusan pelanggan, dan pencapaian organisasi. Saya juga ingin merakamkan penghargaan atas sokongan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri, sektor awam dan swasta, NGO, pelanggan, dan orang awam.

Pada 2017, kadar pertumbuhan sumber maklumat Pustaka adalah sebanyak 152% berbanding tahun 2016. Peningkatan bilangan rekod dan arkib yang dipindahkan ke Pustaka adalah penyumbang utama kepada peningkatan ketara ini. Kerjasama dengan 35 rakan kongsi telah memberi manfaat kepada 28,521 orang melalui 201 aktiviti. Tahap penggunaan sumber maklumat yang terdapat di Pustaka adalah 64%.

Dalam usaha membangunkan sumber maklumat, Pustaka menggalakkan penggunaan sumber pembelajaran terbuka seperti MOOCs (Kursus Terbuka Secara Massive). *Maker Movement* yang semakin popular di seluruh dunia merupakan pemangkin kepada inovasi. Untuk itu, *Makersmeet* dan STEM Kenyalang kini merupakan sebahagian daripada program tahunan Pustaka. Laporan tahunan ini diharap dapat menjadi sumber yang lengkap dan tepat seperti mana seharusnya Pustaka sebagai wadah ilmu dalam merealisasikan impian ke arah komuniti yang mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat.

YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo
Pengerusi Lembaga Pengurusan / Chairman, Board of Management
Pustaka Negeri Sarawak

The year 2017 has seen some remarkable achievements by Pustaka. Pustaka earned the Bronze Award, in the Chief Minister's Trophy category, for Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (AKPANS) 2017. This is a significant achievement because this criteria for the award includes organizational leadership, financial management, human resource management, ICT management, culture of organizational excellence, customer management, and organizational achievements. I would like to express our appreciation for the support from the State Government, the public sector, the private sector, NGOs, customers, and members of the public, without which Pustaka would not have been able to achieve very much.

In 2017, our information resources expanded to 152% comparatively to previous years. Increase in the number of records and archives transferred to Pustaka has contributed significantly to this figure. Collaboration with 35 partners has benefited 28,521 people through 201 activities. The utilisation of information resources available at Pustaka was at 64%.

While developing its own resources, Pustaka also promotes the use of other open learning resources through hands-on workshops on using MOOCs (Massive Open Online Courses). The Maker Movement which is gaining popularity worldwide, as catalyst for innovation, is now part of Pustaka's annual programme through Makersmeet and STEM Kenyalang programmes. I hope you can learn more as you read this report. Pustaka will surely be the reservoir and the fountain of knowledge for the State as we accomplish our vision to provide everyone with life long learning experiences.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Tuan/ Puan yang dihormati,

Laporan Tahunan 2017 memperlihatkan format yang sedikit berbeza berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan dalam *Balanced Scorecard* Pustaka Negeri Sarawak, di mana tunggak utamanya adalah Kecemerlangan Kolaborasi, Kecemerlangan Pengurusan Pengetahuan dan Kecemerlangan Perkhidmatan.

Kecemerlangan Kolaborasi:

Pustaka Negeri Sarawak mencatatkan 188,976 pelawat yang menyertai aktiviti dan 213,017 pengunjung yang menggunakan kemudahan sepanjang tahun 2017. Ini adalah termasuk "walk-in customer", pengguna Pustaka, dan penyelidik yang terlibat dalam pelbagai program ilmu yang dijalankan seperti ceramah dan seminar, *American Corner*, aktiviti kanak-kanak, program dan aktiviti kelainan upaya, *Knowledge Camp* dan Kelas Literasi Maklumat. Ini adalah di antara aktiviti biasa yang dijalankan dengan kerjasama rakan kongsi Pustaka. Organisasi-organisasi dan pertubuhan berasaskan komuniti ini bekerjasama dan menggunakan fasiliti dengan penganjuran bersama Pustaka.

Kecemerlangan Pengurusan Pengetahuan:

Pelbagai strategi telah dirumus untuk meningkatkan kualiti dan kepelbagaian sumber maklumat dari 0.2 hingga 1.5 per kapita menjelang 2020 dan meningkatkan penarafan sumber maklumat. Empat (4) KPI telah dikenal pasti dalam pelaksanaan strategi ini. KPI ini diwujudkan untuk sesi mengenalpasti pengetahuan untuk kategori kakitangan yang berbeza dalam menentukan maklumat pengetahuan yang akan dikongsi atau dikomunikasikan kepada kakitangan atau kumpulan yang berkaitan (pengguna). KPI juga dikenalpasti bersama sektor-sektor yang berkaitan di Pustaka bagi sesi perkongsian dan mengemaskini pengetahuan untuk dikongsi bersama di dalam intranet rasmi Pustaka. KPI ini juga ditetapkan untuk menentukan peratusan penggunaan sumber maklumat oleh pengguna. Kadar penggunaan sumber maklumat yang tinggi akan menunjukkan Pustaka menyediakan sumber maklumat yang pelbagai dan berkualiti. Kepelbagaian koleksi juga diperolehi untuk memenuhi keperluan pengguna. Salah satu daripada program kami yang dilaksanakan untuk mencapai KPI kami ialah Karnival Sarawakiana dimana ianya merupakan salah satu usaha untuk mendapatkan sumber dan mendokumentasikan pengetahuan tentang identiti peribumi di Sarawak.

Pustaka telah memperkenalkan, Kempen 1 Fail, 1 Minggu seiring dengan fungsi Pustaka sebagai Depositori Negeri Sarawak yang menggalakkan semua agensi kerajaan memindahkan rekod dan arkib bernilai mereka ke Pustaka Negeri Sarawak. Kempen

ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan jabatan dan agensi kerajaan mengenai kepentingan pengurusan dan penyelenggaraan rekod dan arkib. Untuk memelihara warisan literasi Sarawak, Pustaka menekankan pembangunan kandungan tempatan melalui perolehan bahan Sarawakiana & Borneo. Pelbagai promosi dan program telah dijalankan dan dipergiatkan untuk meningkatkan kesedaran orang awam dan akses kepada maklumat. Antara sumbangan Pustaka dalam dokumentasi ini ialah penerbitan buku "15th Anniversary Commemorative Annual Report 2015" yang diterbitkan pada bulan Mac 2017 mencatat kronologi dan peristiwa bersejarah bermula dengan penubuhan Pustaka Negeri Sarawak pada tahun 2000 kepada penubuhan dua kampus: Pustaka Miri dan Repositori Rekod Negeri (SRR). Buku kedua mengenai "Sarawak State Library Herbal Garden - a Collection of the Nature's Gift for Health", telah diterbitkan sebagai sebahagian daripada usaha untuk mempromosi ciri-ciri landskap Pustaka dan sebagai salah satu sumbangan Pustaka untuk mengekalkan masyarakat yang sihat.

Kecemerlangan Perkhidmatan:

Dalam usaha untuk memenuhi fungsi Pustaka sebagai Arkib Negeri, Pustaka telah menghasilkan *blueprint* untuk merekabentuk bangunan arkib yang mesra alam, berkualiti, cekap, berdaya ekonomi, ruang dan struktur yang berkualiti dan landskap. Kemudahan ini akan memberi peluang untuk pemuliharaan dan pemeliharaan rekod arkib yang berstatus kekal yang berkepentingan undang-undang, pentadbiran atau sejarah dan untuk mengintegrasikan aktiviti pengurusan rekod dalam badan Kerajaan Negeri. Bangunan itu juga akan menyediakan kemudahan untuk penyelidikan dan sebagai penjaga dokumen di negeri ini. Sebagai persediaan untuk Pustaka Sibul, kami telah menganjurkan program "Meet the Customer" selama dua hari yang disasarkan untuk komuniti Sibul di Wisma Sanyan. Seramai 600 orang telah mendaftar sebagai pengguna baharu. Penglibatan dalam komuniti ini adalah untuk medapatkan maklumbalas penduduk tempatan mengenai perkhidmatan perpustakaan dan memberi input ke arah penyampaian perkhidmatan Pustaka Sibul. Pada 31 Disember 2017, status prestasi projek Pustaka Sibul ialah 33%. Perpustakaan baharu ini akan dilengkapi dengan infrastruktur elektronik dan digital seperti jurnal elektronik, pangkalan data dalam talian, e-akhbar, Bibliografi Negeri Sarawak, Pengarang Sarawak, e-Sarawak Gazette, u-Pustaka, dan sebagainya. Ia juga dilengkapi dengan pusat rujukan untuk perkhidmatan depositori kerajaan. Pustaka menutup tirai 2017 dengan penganugerahan Gangsa untuk Piala Ketua Menteri bagi Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (AKPANS) 2017, dan penganugerahan *Blue Ribbon Campaign* daripada Jabatan Kesihatan Sarawak 2017.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengurusan Pustaka dalam memberikan sokongan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi kepada kami.


Hajah Rashidah Haji Bolhassan
Ketua Pegawai Eksekutif
Pustaka Negeri Sarawak

MESSAGE FROM THE CHIEF EXECUTIVE OFFICER

Ladies and Gentlemen,

Our Annual Report this year takes on a different format, i.e. Based on the Key Performance Indicators (KPIs) set in our Balanced Scorecard, where the main pillars are Collaboration Excellence, Knowledge Management Excellence, and Service Excellence.

Collaboration Excellence:

The library recorded a total number of 188,976 visitors participating in our activities and 213,017 visitors recorded using our facilities in 2017. Our visitors include walk-in public, Pustaka's users, and researchers who are involve in various knowledge programs conducted namely, talks and seminars, American Corner, children's activities, programs, special needs activities, Knowledge Camp and Information Literacy classes. These and other regular activities were conducted in collaboration with our partners. Other organisations to community-based bodies use our facilities for their porgrams by collaborating with Pustaka.

Knowledge Management Excellence:

Strategies were formulated to increase the quality and diversity of information resources from 0.2 to 1.5 per capita by 2020 and increase the rating of information resources. Four KPIs have been identified to implement the strategies. These KPIs were created for knowledge identification session for different categories of staff to determine the knowledge information that will be shared or communicated to the staff or relevant groups (our external users). The KPIs were also identified within the relevant sectors in Pustaka to conduct sharing sessions, communicate and update knowledge shared in Pustaka's official intranet. KPIs were set to determine the percentage of information resources usage by the users. Higher information resources utilisation rate means Pustaka Negeri is providing a diversified and better quality information resources. Collections are acquired to meet the user's requirements. One of our programs implemented to achieve our KPI is the Sarawakiana Carnival, one of our efforts to crowd source and document people's knowledge about Sarawak's indigenous identity.

We introduced the, 1 File, 1 Week Campaign in line with our functions as Sarawak State Depository that requires all government agencies to transfer their valuable records and archives to Sarawak State Library. The campaign aimed to create awareness among the government departments and agencies on the importance of proper management and maintenance of records and archives. To preserve Sarawak's literacy heritage, we emphasized on local content development thorough acquisition of Sarawakiana & Borneo materials. Promotions and programs were conducted and intensified to enable public awarenss and accessibility. Pustaka's contribution towards these documentation were the publications of our "15th Anniversary Commemorative Annual Report 2015" book published in March 2017 which

marked the chronicles and historical events and timelines of the State Library from our humble beginning in 2000 to the establishment of our two campuses: Pustaka Miri and State Records Repository (SRR). The second book on "Sarawak State Library Herbal Garden" – a collection of the Nature's gift for Health, was published as part of promoting Pustaka's landscape features and as one of Pustaka's contributions towards sustaining healthy communities.

Service Excellence:

In our journey to fulfill our fuction as the State Archive, we embarked on a blue print to design the archive building with special considerations to the environment, urban quality, energy efficiency, economic viability, spatial and structural quality and the proposed landscape. The facility will provide the opportunity for consistent treatment and preservation of archival records of permanent significance for legal, administrative or historical reasons and for the orderly integration of all records management activities within the State Government bodies. The building will also provide facilities to support research and as the guardian of the state's documented memory. In preparation for Pustaka Sibu, we organized a two-day "Meet the Customer Program" targeted for Sibu communities at Wisma Sanyan 600 were registered new users for the new users for the new Pustaka Sibu. This community engagement was to acquire local aspirations on library services and giving input towards the design of Pustaka Sibu's service delivery. As for 31st December 2017, the construction of Pustaka Sibu was at 33%. The new library will be equipped with electronic and digital infrastructures such as electronic journals, online databases, e-newspaper, Sarawak State Bibliography, Sarawak Authors, e-Sarawak Gazzette, u-Pustaka, and etc. It will also be equipped with reference centre for government depository services. We wrapped up the year on a jubilant note by winning Third Placing (Bronze Award) for the Chief Minister's Trophy in Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (AKPANS) 2017 and the "Blue Ribbon Campaign" award from Jabatan Kesihatan Sarawak, 2017.


Finally, our deepest appreciation and acknowledgment to the Chairman and Board members for their undivided support and commitment given to us.



Hajah Rashidah Haji Bolhassan
Chief Executive Officer
Pustaka Negeri Sarawak

CARTA ORGANISASI

ORGANIZATION CHART



AHLI LEMBAGA PENGURUSAN

THE BOARD OF MANAGEMENT



**YBHG TAN SRI DATUK AMAR
(DR.) HAJI HAMID BUGO**

Pengerusi, Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak
Chairman, Board of Management

YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hamid Bugo berusia 72 tahun, warganegara Malaysia, berkelulusan daripada Canterbury University, New Zealand dengan *Bachelor and Master of Arts in Economics*. Beliau juga memiliki Sijil Pengajian Siswazah dalam Pengajian Perniagaan dari *Harvard Institute of Development Studies*, U.S.A dan Ph.D. (*in Commerce*) oleh Lincoln University, New Zealand. Antara pengalaman beliau ialah berkhidmat sebagai Pengurus Pentadbiran, Malaysia LNG Sdn. Bhd. (Syarikat usaha sama Petronas, Shell dan Mitsubishi), Pengurus Besar Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah Sarawak, Setiausaha Tetap Kementerian Perancangan Sumber, dan Setiausaha Negeri Sarawak. Sebagai Setiausaha Kerajaan, Tan Sri mewakili Kerajaan Negeri dalam pelbagai syarikat dan badan berkanun termasuk *Malaysia Airline System Bhd.*, *Malaysia LNG Sdn. Bhd.*, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Universiti Malaysia Sarawak dan Universiti Pertanian Malaysia.

Terkini Tan Sri memegang jawatan di dalam Lembaga Sapura Energy Berhad, *Sapura Resources*, *Sarawak Consolidated Industries Bhd* dan *X-Fab Silicon Foundries NV*, Frankfurt, Jerman. Tan Sri juga aktif dalam kegiatan amal dimana beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Yayasan Kemajuan Insan (YAKIN) dan Pengerusi Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak. Beliau percaya dan yakin dengan kepentingan perpustakaan dan perkhidmatan perpustakaan, serta peranan perpustakaan dalam pembelajaran dan inovasi sepanjang hayat dalam usaha untuk mengubah kualiti hidup masyarakat. Salah satu sumbangan beliau semasa menjawat jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak ialah dengan penubuhan Pustaka Negeri Sarawak, perpustakaan pertama di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan digital, dimana pengguna boleh mengakses perkhidmatan di atas talian 24 jam. Di bawah bimbingan beliau sebagai Pengerusi Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak yang juga berfungsi sebagai depository dan arkib negeri, perkhidmatan Pustaka telah berkembang dengan penubuhan dua kampus di Miri dan Sibu. Tan Sri merupakan ahli majlis untuk *Institute of Integriti Malaysia*. Beliau juga merupakan penerima anugerah cemerlang untuk *American Society for Conservation Biology* pada tahun 2000.

YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hamid Bugo, aged 72, a Malaysian, graduated from Canterbury University, New Zealand with a Bachelor and a Master of Arts in Economics. He also holds a Postgraduate Diploma in Teaching (NZ) and a Postgraduate Certificate in Business Studies from Harvard Institute of Development Studies, U.S.A. He was honoured with a Ph.D. (in Commerce) by Lincoln University, New Zealand. His working experience includes Administration Manager, Malaysia LNG Sdn Bhd (a joint venture of Petronas, Shell and Mitsubishi), the first General Manager of Land Custody and Development Authority, Sarawak, Permanent Secretary, Ministry of Resource Planning, Sarawak and State Secretary of Sarawak. As State Secretary, Tan Sri represented the State Government in various companies and statutory bodies including Malaysian Airline System Bhd, Malaysia LNG Sdn Bhd, Employees Provident Fund, University Malaysia Sarawak and University Pertanian Malaysia.

Currently Tan Sri sits on the Board of Sapura Energy Berhad, Sapura Resources, Sarawak Consolidated Industries Bhd and X-Fab Silicon Foundries NV, Frankfurt, Germany. Tan Sri is also active in charitable activities as Chairman of Yayasan Kemajuan Insan (YAKIN) and Chairman of the State Library of Sarawak. He is a strong advocate and believer on the importance of libraries and library services, and the roles libraries play in lifelong learning and innovation, which can transform a community's quality of life. One of the legacies of his tenure as the State Secretary of Sarawak was the formation of Sarawak State Library (Pustaka Negeri Sarawak), the first state library in Malaysia to embrace digital services, where anyone can have access to its 24/7 online services. Under his guidance as Chairman of the Board, Sarawak State Library, which also functions as the state depository and archive, has expanded to two regional campuses in Miri and Sibu. Tan Sri is a council member of the Institute of Integriti Malaysia. He is also one of the recipients of an Excellent Award from The American Society For Conservation Biology in 2000.



YB Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. Sebelum menyertai Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS), pada awal kerjaya beliau telah berkhidmat di Petronas. Beliau merupakan Pengarah Dewan Bandaraya Kuching Utara ketika pertama kali ditugaskan pada tahun 1988 dan kemudian berkhidmat di beberapa jabatan dan kementerian. Sejak mengambil alih tugas sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, beliau telah banyak memacu inisiatif transformasi dalam merealisasikan wawasannya untuk memastikan PANS yang bertaraf dunia. Kualiti kepimpinan beliau bukan hanya memberi manfaat kepada PANS tetapi turut memanfaatkan kerajaan, badan bukan kerajaan dan organisasi korporat yang telah melantik beliau sebagai Pengerusi atau lembaga pengarah. Tan Sri Datuk Amar merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Major dalam Statistik) dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Sarjana Sains Pentadbiran Sumber Manusia dari Universiti Scranton, Pennsylvania Amerika Syarikat dan merupakan Senior Eksekutif Senat dari Havard University USA.

YB Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani is the State Secretary of Sarawak since 2009. Before joining the Sarawak Civil Service (SCS) he has been in the Corporate World during the early days of his career serving in the national oil company, Petronas. He was the Director for Kuching North City Hall when it was first commissioned in 1988 and then served in a number of departments and ministries. Ever since taking the helm of SCS, he took charge to steer and drive many transformation initiatives in realising his vision of making the SCS a world class organization. His leadership qualities has not only benefited the SCS but also other government, non-government and corporate organizations, where he sits as Chairman or their Board of Director. Tan Sri Datuk Amar holds a Bachelor In Economic (Majoring in Statistic) from Universiti Kebangsaan Malaysia, a Master of Science in Human Resource Administration from University of Scranton, Pennsylvania USA and attended the Senior Executive Fellow from Harvard University USA.

**YB TAN SRI DATUK AMAR HAJI
MOHAMAD MORSHIDI BIN ABDUL GHANI**

Timbalan Pengerusi, Lembaga Pengurusan
Deputy Chairman, Board of Management



YBRS DR. HAJI ABDUL RAHMAN DEEN

Ahli Lembaga Pengurusan
Board Member

Jabatan Ketua Menteri. Di dalam kedua-dua portfolio ini, tanggungjawab utama Dr. Deen adalah untuk menyelaraskan dan memudahkan pembangunan tenaga kerja yang dirancang untuk memenuhi keperluan industri serta pembangunan Negara. Sebelum menyertai perkhidmatan awam negeri pada bulan Mac 2012, Dr. Deen berkhidmat di Universiti Teknologi Mara Sarawak sejak tahun 1975. Beliau bersara pada akhir tahun 2011. Antara kursus yang beliau ajar ialah termasuk Perilaku Organisasi, Pembangunan Peribadi dan Pengembangan Strategik. Dr Deen juga telah menyandang beberapa jawatan pentadbiran di UiTM, termasuk sebagai Pengarah Kampus Cawangan Sarawak dari tahun 1999 hingga 2004. Beliau juga mempunyai pengalaman lebih daripada 20 tahun dalam menjalankan program latihan dan pembangunan bagi sektor awam dan swasta dalam pelbagai

bidang seperti penyelesaian masalah dan membuat keputusan, pergerakan inovasi, kreativiti, kepimpinan, motivasi, komunikasi dan pembangunan peribadi. Dr. Deen memperoleh PhD dalam Pengurusan dari *University of Newcastle Upon Tyne* pada tahun 1998; MBA dari *Western Michigan University* pada tahun 1980; dan BSc dari *Universiti Malaya* pada tahun 1975. Dr. Deen juga mempunyai sijil pasca siswazah dalam pengajaran dan pembelajaran dari *Politeknik Central London*. Dr. Deen merupakan ahli *Majlis Islam Sarawak* dan memegang jawatan dalam *Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak*, *Institut Pembangunan Sarawak* dan *Pusat Kecemerlangan Teknikal (CENTEX)*, dan *EDUSAR* yang meneraju *Kolej Universiti Teknologi Sarawak*. Beliau juga merupakan *Pengerusi* kepada *Lembaga Penasihat Pusat Islam Sarawak*. Antara lain Dr Deen antara pengasas kepada *Institut Pengurusan Sarawak (MASA)* dan *Persatuan Reka Cipta dan Rekaan Sarawak*. Beliau memegang jawatan kanan dalam kedua-dua NGO ini. Beliau telah berkahwin dan mempunyai tiga orang anak. Hobi beliau membaca dan menonton filem.

YBrs. Dr. Haji Abdul Rahman Deen is currently the Deputy Permanent Secretary to the Ministry of Education, Science, and Technological Research Sarawak. Prior to this, he was the Director of Workforce Development Unit in the Chief Minister's Department. In both these jobs, Dr. Deen's main responsibility is to coordinate and facilitate the planned development of workforce to meet the needs of the industries as well as the development of the State. Prior to joining the State Civil Service in March 2012, Dr. Deen was with Universiti Teknologi Mara Sarawak since 1975. He retired as Professor in Management at the end of 2011. The courses that he has taught includes Organizational Behavior, Personal Development and Strategic Management. Dr. Deen has also held several administrative post in UiTM,

including as the Director of the Sarawak Branch campus from 1999 to 2004. He also has more than 20 years of experience conducting training and development programs for both the public and private sector on a variety of areas such as problem solving and decision making, innovation management, creativity, leadership, motivation, communication and personal development. Dr. Deen obtained his PhD in Management from the University of Newcastle Upon Tyne in 1998; his MBA from Western Michigan University in 1980; and BSc from University of Malaya in 1975. Dr. Deen also has a post graduate certificate in teaching and learning from the Polytechnic of Central London. Dr Deen is a member of Sarawak Islamic Council and sits on the Board of Directors of Pustaka Negeri Sarawak, Sarawak Development

Institute and the Centre for Technical Excellence (CENTEX), and EDUSAR which runs the University College of Technology Sarawak. He has also been a member of the Board of Governors of the International Center for Advance Technology, Sarawak and a Board member of PPKS Ilmu Sdn Bhd which operates the Sarawak Skills Development Centre. He is also the Chairman of the Board of Advisors for the Sarawak Islamic Information Centre. Dr. Deen is also the founding member of the Institute of Management, Sarawak (MASA) and the Invention and Design Association of Sarawak and has held senior positions in both these NGOs. He is married and has three children. His hobbies are reading and watching movies.



YBHG DATO' NAFISAH BINTI AHMAD

Ahli Lembaga Pengurusan
Board Member

Sains pada tahun 1983 dan mempunyai Diploma Lepas Siswazah dalam bidang Perpustakaan dan Sains Maklumat dari Institut Teknologi Mara (UiTM) pada tahun 1986. Beliau menyertai Perpustakaan Negara Malaysia pada 4 Februari 1986 dan mempunyai pengalaman kerja yang luas dalam aspek teknikal dan dokumentasi perpustakaan dan telah dilantik sebagai Pengarah Perkhidmatan Teknikal. Beliau kemudian memegang jawatan sebagai Pengarah Perkhidmatan Perpustakaan Digital di mana beliau bertanggungjawab ke atas inisiatif digitalisasi dan projek-projek Perpustakaan Negara Malaysia dan salah seorang penggerak utama dalam perancangan dan pelaksanaan projek *u-Library (Ubiquitous Library)*, di mana

beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah. Pada 1 Oktober 2014, beliau telah dilantik sebagai Ketua Pengarah dan terlibat secara aktif dalam pembangunan perpustakaan di Malaysia sepanjang kerjayanya. Sehingga kini, beliau telah berkhidmat di Perpustakaan Negara Malaysia selama 30 tahun. Beliau juga memegang jawatan antarabangsa dan jawatankuasa antarabangsa seperti Jawatankuasa Pengkatalogan dan Pengelasan Kebangsaan, Kamus Data Kebangsaan untuk Sektor Awam dan ahli untuk *IFLA Cataloguing Section*. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang perpustakaan digital, pembangunan koleksi, pengkatalogan dan pengelasan dan metadata. Pengalaman kerja yang luas dan sumbangan cemerlang dalam bidang perpustakaan di negara ini, beliau telah dianugerahkan Knight Companion oleh *The Illustrious Order of Loyalty to the Royal House of Kedah* pada tahun 2017. Beliau juga kini menjadi Presiden Persatuan Pustakawan Malaysia.

YBhg. Dato' Nafisah Ahmad dilahirkan pada 9 Jun 1959, Kedah Darul Aman. Beliau lulus dari Universiti Kebangsaan Malaysia dengan Ijazah Sarjana Muda

YBhg. Dato' Nafisah Ahmad was born in 9 June 1959, Kedah Darul Aman. She graduated from Universiti Kebangsaan Malaysia with a Bachelor of Science in 1983 and has a Post Graduate Diploma in Library and Information Science from the Institute of Technology MARA (UiTM) in 1986. She joined the National Library of Malaysia in 4 February 1986 and has vast working experience in library technical and documentation aspects until and was appointed as Director & Technical Services. She then held a position as Director of Digital Library Services in which she is responsible

for the digitisation initiatives and projects of the National Library of Malaysia and one of the key persons in the planning and implementation of the *u-Library (Ubiquitous Library)* project, a smart and successful project which she was appointed as the Deputy Director General. In 1 October 2014, she was appointed as Director General and has been actively involved in the development of libraries in Malaysia throughout her career. Till date, she has worked at the National Library of Malaysia for 30 years. She also sat on various national and international committee such as National Committee

on Cataloguing and Classifications, National Data Dictionary for Public Sector and member of IFLA Cataloguing Section. Her subject matter expert were on digital library, collection development, cataloguing & classification and metadata. With her vast working experience and excellent contributions in librarianship to the country she was awarded Knight Companion by The Illustrious Order of Loyalty to the Royal House of Kedah in 2017. She is also currently the President of the Librarians Association of Malaysia.

Ahli Lembaga Pengurusan | The Board of Management



YBRS ASSOC. PROF DR. SHAHREN AHMAD ZAIDI ADUCE

Ahli Lembaga Pengurusan
Board Member

YBrs. Dr. Shahren Ahmad Zaidi Aduce merupakan ahli Lembaga Pengurusan Pustaka sejak Januari 2013. Beliau merupakan lulusan dari UiTM dengan Ijazah Sarjana Muda Sains Perpustakaan dan Maklumat dan telah ditawarkan biasiswa di bawah skim pensyarah muda UiTM. Walaubagaimanapun beliau terpaksa menolak tawaran tersebut untuk membantu menguruskan perniagaan milik keluarga. Selepas satu dekad berkecimpung dalam dunia perniagaan, beliau telah memutuskan untuk meneruskan impian zaman kanak-

kanaknya untuk menjadi seorang ahli akademik dan melanjutkan pengajian ke Peringkat Ijazah Sarjana dan Kedoktoran dalam bidang Sains Maklumat di Amerika Syarikat. Pada tahun 1998, beliau telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Sains dalam Pengurusan Telekomunikasi dan Rangkaian dan pada tahun 2004 beliau kemudiannya memperoleh Ijazah Kedoktoran dalam Sains Maklumat dan Teknologi (Pengurusan Ilmu). Semasa di Sydney University, beliau juga berkhidmat sebagai Profesor Adjung dan dilantik sebagai senator yang mewakili pelajar siswazah dalam senat universiti selama beberapa tahun. Selepas menamatkan pengajian di Syracuse, New York, Dr. Shahren kembali ke Malaysia dan menyertai UNIMAS pada bulan Januari 2005. Beliau telah dilantik sebagai Dekan Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia pada tahun yang sama. Beliau berkhidmat sebagai dekan selama sembilan tahun dan seterusnya dilantik sebagai Pengarah Institut Borneo Studies pada bulan Disember 2014. Sepanjang penglibatan beliau sebagai pensyarah, beliau telah menyelia ratusan pelajar sarjana muda dan lebih dari dua puluh pelajar Doktor dan Sarjana. Dari segi

aktiviti penyelidikan, beliau telah berjaya memperoleh, mengetuai dan menyiapkan banyak projek untuk UNIMAS, antaranya termasuk; Kesan Sosial dan Ekonomi PIPELINE PETRONAS Sarawak Sabah pada 2008 & 2014; JKR Sarawak: Audit Kebudayaan; Kesan Minyak dan Gas kepada Masyarakat Tempatan Sarawak pada 2017; Indeks Budaya Organisasi Sarawak Energy Berhad pada tahun 2017; dan kini sedang melakukan kajian mengenai Impak Positif Industri Kayu di Sarawak. Dr. Shahren adalah perintis dalam membangunkan Instrumen Indeks Komuniti untuk mengukur dan menanda aras prestasi komuniti tempatan untuk mengenal pasti jenis campur tangan yang diperlukan untuk mengubah komuniti terjejas kepada masyarakat yang mampan. Dengan jadual beliau yang padat, beliau telah menerbitkan banyak artikel dalam jurnal, termasuk sumbangan untuk kandungan di dalam buku, monograf dan laporan strategik sulit.

Antara Jawatan yang disandang Dr. Shahren adalah termasuk;

- Lembaga Pengarah; UNIMAS Technology Sdn. Bhd., 2015-2017
- Lembaga Pengurusan; UNIMAS Holding Sdn. Bhd., 2015-2017
- Exco: Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak, 2005-2015

Sejak 2009, beliau juga merupakan ahli *Human Factors and Ergonomics Society Malaysia*.

YBrs. Dr. Shahren Ahmad Zaidi Aduce is a member of the Pustaka Board of Management since January 2013. He graduated from UiTM with a Bachelor's Degree in Library and Information Science and was offered a scholarship under UiTM's young lecturer scheme, which he was forced to turn down to help manage family-owned businesses. After spending a decade in business, he decided to pursue his childhood dream to be an academician and left for the United States to do his Masters and Doctoral Degree in the field of Information Sciences. In 1998, he was conferred a Master's of Science Degree in Telecommunication and Network Management and in 2004 he was subsequently conferred a Doctoral Degree in Information Science and Technology (Knowledge Management). While in Syracuse University, he also served as an Adjunct Professor and was appointed a senator representing graduate students at the university's senate for several

years. After completing his studies in Syracuse, New York, Dr. Shahren returned to Malaysia and joined UNIMAS in January 2005, where he was appointed the Dean of the Faculty of Cognitive Sciences and Human Development in the same year. He served as dean for nine years and was subsequently appointed the Director of the Institute of Borneo Studies in December 2014. During his tenure as lecturer, he has successfully supervised hundreds of undergraduate students and more than twenty Doctoral and Master's students. In terms of research activities, he has successfully secured, led and completed many projects for UNIMAS, among them include: The Social and Economic Impact of PETRONAS Sarawak Sabah Pipelines in 2008 & 2014; JKR Sarawak: Culture Audit; The Impact of Oil and Gas to Sarawak Local Communities in 2017; Sarawak Energy Berhad Organizational Culture Index in 2017; and currently doing research on the Positive Impact of the Timber Industries

in Sarawak. Dr. Shahren is a pioneer in developing the Community Index instrument to measure and benchmark the performance of local communities to identify the types of intervention necessary to transform affected communities to sustainable communities. And despite his busy schedule, he has also published articles in refereed and indexed journals, including contribution to book chapters, monographs and strategic confidential reports over the years.

Other positions Shahren has held include:

- Board of Director: UNIMAS Technology Sdn. Bhd., 2015-2017
- Board of Management: UNIMAS Holding Sdn. Bhd., 2015-2017
- Exco: Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak, 2005-2015

He is also a Member of the *Human Factors and Ergonomics Society Malaysia* since 2009.



YBRS DR RITA MANURUNG

Ahli Lembaga Pengurusan
Board Member

telah menyertai Perkhidmatan Awam Sarawak dan memulakan karier beliau pada tahun 1973. Bermula sebagai Pegawai Penyelidik (Ahli Botani) di Pusat Penyelidikan Pertanian, Semenggok dan telah bersara dari Jabatan Pertanian sebagai Ketua Penolong Pengarah Kanan (Penyelidikan) pada tahun 2005 selepas berkhidmat selama 33 tahun. Pada bulan Januari 2007, beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Biodiversity Sarawak (SBC) di mana beliau berkhidmat selama 7 tahun, dan menamatkan perkhidmatan beliau dengan Perkhidmatan Awam Sarawak selepas 40 tahun. Perkhidmatan beliau diiktiraf dengan beberapa anugerah Negeri termasuk Pegawai Bintang Kenyalang dan Pingat Perkhidmatan Cemerlang. Pada peringkat kebangsaan, beliau telah berkhidmat sebagai ahli Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Hutan Malaysia, dan di Malaysian

Biosafety Board. Semasa dalam perkhidmatan dengan Jabatan Pertanian, beliau berpeluang mengembara di seluruh Sarawak mengumpul, mengkaji dan memelihara bahan genetik berharga dan unik. Beliau menghabiskan banyak masa dalam membangunkan kaedah yang sesuai untuk penyebaran dan pemuliharaan tanaman penting dan pelbagai spesies tanaman hiasan. Selama 7 tahun berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, beliau telah membimbing SBC untuk menjadi sebuah Institusi Penyelidikan yang terkemuka dan mendapat perhatian organisasi di peringkat nasional dan antarabangsa. Matlamat beliau adalah untuk membangunkan SBC ke arah pusat kecemerlangan biodiversiti untuk membangunkan produk yang boleh dikomersialkan untuk penjagaan kesihatan, makanan dan produk berguna yang lain. Setelah bersara beliau masih bergiat aktif sebagai ahli Lembaga Pengurusan untuk Pustaka Negeri Sarawak. Dr. Rita Manurung juga merupakan sukarelawan dalam beberapa aktiviti sosial dan pendidikan yang dijalankan oleh pihak gereja.

YBrs. Dr. Rita Manurung berkelulusan Sarjana Muda Sains (Kepujian) Botani dari Universiti Malaya pada tahun 1973 dan PhD dari Universiti Aberdeed (Scotland) pada tahun 1982. Beliau

Rita Manurung graduated with Bachelor of Science (Hons.) in Botany from the University of Malaya in 1973 and a PhD from the University of Aberdeen (Scotland) in 1982. She joined the Sarawak Civil Service in 1973 and started a long and eventful career. She began as a Research Officer (Botanist) at the Agriculture Research Centre, Semenggok and she retired from the Department of Agriculture (DOA) as the head of the Senior Assistant Director (Research) in 2005 after having served for 33 years. In January 2007 she was recalled from retirement and was appointed the Chief Executive Officer of the Sarawak Biodiversity Centre (SBC) where she served 7 more years, thus completing 40

years with the Sarawak Civil Service. Her service was recognised with several State awards including PBK (Pegawai Bintang Kenyalang and PPC (Pingat Perkhidmatan Cemerlang). At the national level, she served as a member of the Malaysian Forest Research and Development Board, as well as in the Malaysian Biosafety Board. While in service with the DOA she travelled extensively throughout Sarawak collecting, studying and conserving valuable genetic materials unique to Sarawak. It was through such exposure that she cultivates her interest and love for biodiversity. She spent much time developing methods suitable for propagation and conservation of important crops and various ornamental

plant species. During the 7 years as the CEO she guided the SBC to become a respected Research Institution that reputable universities and organisations both national and international want to collaborate with. Her aim was to develop the SBC into a centre of excellence for biodiversity research with the ultimate aim of using biodiversity to develop products that can be commercialised for healthcare, food and other useful products. In retirement she is still active as a member of the Board of Management for Pustaka Negeri Sarawak. Dr Rita Manurung is also a volunteer in several church run community social and educational activities.

Ahli Lembaga Pengurusan | The Board of Management



**YBHG DATUK ALFRED
YAP CHIN LOI**

Ahli Lembaga Pengurusan
Board Member

YBhg. Datuk Alfred Yap Chin Loi, berumur 65 tahun, warganegara Malaysia, lulusan Sarjana Muda Undang-Undang (LL.B) Kepujian Kelas Pertama dari *University of Buckingham, England*. Beliau telah lulus Peperiksaan Akhir Bar pada tahun 1983 dan telah diterima sebagai peguam bela Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak oleh Mahkamah Tinggi di Borneo di Kuching Beliau menyertai Perkhidmatan Awam Sarawak sebagai Pegawai Tadbir pada tahun 1972. Pada tahun 1980, beliau telah mengambil cuti belajar tanpa gaji dan melanjutkan pengajian dalam bidang perundangan di England. Beliau telah meninggalkan perkhidmatan awam pada tahun 1984 dan menubuhkan Tan & Yap Advocates. Pada tahun 1985 beliau telah dilantik sebagai Ahli Majlis untuk Majlis Daerah Luar Bandar Kuching, dan menyandang jawatan Pengerusi pada tahun 1988. Pada tahun 1992, beliau telah dicalonkan oleh

Barisan Nasional dan SUPP untuk bertanding dalam pilihan raya kecil Batu Kawah dan telah memenangi kerusi tersebut tanpa bertanding. Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai ADUN untuk Batu Kawah selama tiga penggal berturut-turut dari tahun 1992 hingga 2006. Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Menteri Kabinet Negeri dalam tempoh yang sama, dan telah berkhidmat di pelbagai kementerian termasuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Sosial, Pejabat Ketua Menteri, Menteri Perancangan dan Pengurusan Sumber, Kementerian Pembangunan Bandar dan Kementerian Pelancongan Sarawak. Kini, Datuk merupakan ahli Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak dan pengamal undang-undang di YAP & Co. ADVOCATES beralamat di Pusat Komersial Pusat Taman 307 (Tingkat 2), Jalan Tun Ahmad Zaidi Aduce 93200 Kuching.

YBhg. Datuk Alfred Yap Chin Loi, aged 65, a Malaysian, graduated from The University of Buckingham, England with a Bachelor of Law (LL.B) First Class Honours was called to the Bar by the Honourable Society of Lincoln's Inn, London after he passed the Bar Final Exams in 1983 and was admitted as an Advocate of the High Court of Sabah and Sarawak by the High Court in Borneo at Kuching. He joined the Sarawak Civil Service as a Sarawak Administrative Officer in 1972 and went on study leave without pay to read law in England

in 1980. He left the Civil Service in 1984 and set up Tan & Yap Advocates. In 1985 he was appointed a Councilor of the Kuching Rural District Council (KRDC) and appointed the Chairman of KRDC in 1988. In 1992 he was nominated by Barisan Nasional and SUPP to stand in the Batu Kawah By-Election and won the seat uncontested. He had thereafter served as the ADUN for Batu Kawah for three consecutive terms from 1992 to 2006. He was appointed an Assistant Minister in the State Cabinet over the same period and had

served in the various ministries including the Ministry of Culture Youth and Sport, Ministry of Social Development, The Chief Minister's Office, Ministry of Planning and Resource Management, Ministry of Urban Development and the Ministry of Tourism, Sarawak. Datuk is a Board Member of the Sarawak State Library Management Board and currently practicing under YAP & CO. ADVOCATES at 307 (2nd Floor) Central Park Commercial Centre, Jalan Tun Ahmad Zaidi Aduce 93200 Kuching.



**YBHG DATU WILLIAM
PATRICK NYIGOR**

Ahli Ex-Officio
Ex-Officio Member

Berkelulusan Sarjana Muda Sains Sosial dari Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1980, dan MSc. dalam Sistem IT Perniagaan dari Strathclyde University, Scotland, pada tahun 1991. Beliau telah melanjutkan pelajaran ke *Italian School of Public Administration*, Reggio Calabria, Itali dari 1985 hingga 1986, dan menghadiri *Senior Executive Fellows Course* di *Kennedy School*

The objective is to implement collaborative programs that benefited the target participants/beneficiaries. To make sure that the activities and participants are continuously increasing and able to get a great response, the target is 10 programs with at least 10,000 beneficiaries/participants, annually.

Aktiviti / Activities



2017



2016



Peserta / Participants



2017
28,521



2016
19,411



Rakan Kerjasama / Collaborators



2017

35

**Kerjasama Program Yang Diusahakan
Collaborative Programs Undertaken**



2017

60

Pada tahun 2017, bilangan peserta adalah 28,521 dan meningkat 46.93% berbanding bilangan peserta pada 2016. Jumlah aktiviti juga meningkat kepada 80 aktiviti bersamaan dengan 39.8% pada 2017 berbanding 2016.

In 2017, the number of participants is 28,521, an increase of 46.93% compared to the number of participants in 2016. The number of activities also increased to 80 activities equivalent to 39.8% in 2017 compared to 2016.

Ceramah Komuniti / Community Talk



7

Program/Programs

1,388

Peserta/Participants

Program Jangkauan Ilmu / Outreach Program



33

Program/Programs

2,147

Peserta/Participants

Lahir Untuk Membaca / Born To Read



14

Program/Programs

777

Peserta/Participants

**Bacaan Kegemaran Saya/Bicara Karya
My Favorite Read/Book Review**




15

Program/Programs

507

Peserta/Participants

**Pemantauan Perpustakaan Desa
Monitoring Village Library**



30

Perpustakaan Desa Dipantau
Village Library Monitored

Sudut Amerika / American Corner



43

Program/Programs

6,318

Peserta/Participants

Lawatan/Aktiviti Kanak-Kanak
Visit/Children Activities



49

Program/Programs

2,236

Peserta/Participants

Aktiviti Cuti Musim Sekolah
School Holiday Activities



63

Program/Programs

958

Peserta/Participants

Sudut Belia / Youth Corner



19

Program/Programs

1,678

Peserta/Participants

Aktiviti Aktiviti Golongan Khas
Special Need Activities



43

Program/Programs

463

Peserta/Participants

Perkemahan Ilmu / Knowledge Camp



1

Program/Program

72

Peserta/Participants

Bookaroo




8

Program/Programs

7,235

Peserta/Participants

Lain-Lain / Others



19

Program/Program

5,364

Peserta/Participants

KAPASITI ORGANISASI ORGANISATION CAPACITY

2017

6 AKTIVITI NILAI BERSAMA
6 SHARED VALUES ACTIVITIES

Indeks Keseluruhan 80.12%
Overall Index 80.12%



Forum Integriti 2017 / Integrity Forum 2017

Integriti / Integrity

5 Program
Programs

Baik Hati & Prihatin
Kind & Caring

3 Program
Programs



Kajian Pelan Strategik Pustaka 2017
Strategic Planning Review Pustaka 2017



Majlis Penanaman Pokok Pustaka 2017
Pustaka Tree Planting Ceremony 2017

Profesionalisme
Professionalism

3 Program
Programs



Morning Coffee Pustaka

Semangat Bersegera dan Semangat Kepunyaan
Sense of Urgency and Ownership

2 Program Programs



Perbarisan Hari Jadi TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak 2017 / Sarawak Governor's Birthday Parade 2017

Semangat Berpasukan
Team-Spirit

5 Program Programs




Strategic Planning & Balance Scorecard Retreat 2017

Berorientasikan Hasil
Result Oriented

2 Program Programs

01 | Jam Latihan yang Dicapai Training Hours Achieved



■ Gred 41 dan ke atas (100%)
Grade 41 and Above (100%)



■ Gred 20-40 (76.92%)
Grade 20-40 (76.92%)



■ Gred 1-28 (75.61%)
Grade 1-28 (75.61%)


02 | Kursus Am dan Khusus Generic and Specific Courses



■ Am - 39 Latihan (47%)
Generic - 39 Trainings (47%)

■ Khusus - 44 Latihan (53%)
Specific - 44 Trainings (53%)

03 | Bilangan Latihan 2017 Number of Training 2017



PENAMBAHBAIKAN SISTEM ICT UNTUK MEMPERKASA PERKHIDMATAN

UPGRADED ICT SYSTEMS TO IMPROVE SERVICE DELIVERY

Pada 2017, Bahagian Pembangunan Aplikasi dan Laman Web telah membangunkan LIMA (5) sistem aplikasi untuk memudahkan perkhidmatan dalaman di Pustaka. Sistem aplikasi ini dibangunkan secara 'in-house', sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pemaju pihak ketiga. Ini seterusnya mengurangkan kos. Sistem aplikasi ini telah dibangunkan mengikut permintaan yang dibuat oleh semua sektor di dalam Pustaka. Permintaan ini diberi keutamaan mengikut kepentingan dan kesegeraan. Antara sistem aplikasi yang dibangunkan ialah:

1. Phone Memo Recording Function
2. Online Questionnaire for Hari Bersama Pelanggan
3. Online ICT Service Request and Response System
4. Pustaka's e-Recruitment System
5. e-Classific

In 2017, the Website and Web Application Division has developed FIVE (5) application systems to facilitate internal services of the library. These application systems were developed in-house, thus reducing dependency on third party developers, and further reducing costs. Application systems were developed according to requests made by all sectors within Pustaka. These requests were prioritized according to its urgency and importance. Among the application systems developed are:

1. Phone Memo Recording Function
2. Online Questionnaire for Hari Bersama Pelanggan
3. Online ICT Service Request and Response System
4. Pustaka's e-Recruitment System
5. e-Classific

STATUS STAFF SEHINGGA 31 DISEMBER 2017

EMPLOYEE STATUS AS AT 31 DECEMBER 2017

Penempatan Station	Jawatan Berasaskan Caruman (JBC) JBC Post		Kontrak Contract		Jumlah Total
	P&P	Support	P&P	Support	
Kuching	23	58	1	5	87
Miri	4	27	-	4	35
SRR	13	18	-	3	34
Sibu	-	4	-	-	4
Jumlah/Total	40	107	1	12	160

PENGHARGAAN KEPADA RAKAN KERJASAMA & RAKAN PINTAR

ACKNOWLEDGEMENT TO OUR COLLABORATORS & SMART PARTNERS

1	Jabatan Ketua Menteri Sarawak
2	Unit Permodenan Perkhidmatan Negeri
3	Unit Sumber Manusia Negeri
4	ICTU, JKM
5	Unit Protokol dan Perhubungan Awam
6	Setiausaha Kewangan Negeri
7	Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak
8	Jabatan Kebajikan Negeri Sarawak
9	Arkib Negara Malaysia
10	Perpustakaan Negara Malaysia
11	Sarawak Information System Sdn. Bhd (SAINS)
12	American Corner Sarawak
13	US Embassy Kuala Lumpur
14	Dewan Bandaraya Kuching Utara
15	Persatuan Pustakawan Malaysia
16	Local Government Council Development
17	Islamic Information Centre
18	City One Mega Mall
19	Danawa Resources Sdn. Bhd.
20	Persatuan Dalam Komuniti (PDK)
21	Yayasan Salam
22	PERKATA
23	TEGAS
24	Ted X Kenyalang
25	Port Dango
26	JKR
27	Pink Aerobik
28	Dewanita
29	Arkib Negara Malaysia
30	UNIMAS
31	UiTM, Sarawak
32	Friends Of Library
33	Friend Of Archives
34	MAMPU
35	MPC

36	Jabatan Audit Negara Malaysia
37	Muzium Sarawak
38	Harwood Timber Sdn. Bhd.
39	Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding, JKM
40	Unit Audit Dalam, JKM
41	Jabatan Hutan
42	MPAM
43	Kumpulan Laman Komuniti Pustaka
44	Swinburne
45	Normah
46	Sarawak General Hospital
47	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak
48	Jabatan Pendidikan Sarawak
49	Sedidik, SEDC
50	Heart Treasures Sdn. Bhd.
51	Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang dan Samarahan
52	Persatuan Karyawan Sastera Sarawak (PEKASA)
53	Dewan Bahasa dan Pustaka
54	Persatuan Penulis Sarawak (Penulis)
55	Angkatan Zaman Mansang (AZAM) Sarawak
56	Sarawak Heritage Society.
57	Tun Jugah Foundation
58	Sarawak Craft Council
59	Perbadanan Perusahaan Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak
60	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
61	Semua Media Cetak dan Media Electronik
62	Mereka Yang Terlibat Secara Tidak Langsung Dalam Menjayakan Program Dan Aktiviti Pustaka 2017

PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

KANDUNGAN

Muka Surat	Perkara
61	SENARAI AHLI-AHLI LEMBAGA PENGURUSAN
61	PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB
62	PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGURUSAN
63	PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
64	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
68	PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
69	PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
70	PENYATA PERUBAHAN EKUITI
71	PENYATA ALIRAN TUNAI
72	NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

SENARAI AHLI-AHLI LEMBAGA PENGURUSAN

PENGERUSI	: YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo
TIMBALAN PENGERUSI	: YB Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Bin Abdul Ghani Setiausaha Kerajaan Negeri
AHLI-AHLI LEMBAGA PENGURUSAN	: YBrs. Dr. Haji Abdul Rahman Deen : YBhg. Dato' Puan Nafisah Binti Ahmad Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia : YBhg. Datuk Alfred Yap Chin Loi : YBrs. Dr. Rita Manurung : YBrs. Prof. Madya Dr. Shahren Ahmad Zaidi Adruce Universiti Malaysia Sarawak
AHLI EX-OFFICIO	: YBhg. Datu William Patrick Nyiyor Pengarah Unit Sumber Manusia Negeri

PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF	: Puan Hajah Rashidah Haji Bolhassan Ketua Pegawai Eksekutif
ALAMAT BERDAFTAR	: Jalan Pustaka Off Jalan Stadium Petra Jaya 93250 Kuching Sarawak
JURUAUDIT	: Ketua Audit Negara
BANK UTAMA	: RHB (Malaysia) Berhad Jalan Kulas 93400 Kuching

PENYATA Pengerusi dan SEORANG AHLI Lembaga Pengurusan

Kami, TAN SRI DATUK AMAR (DR) HAJI HAMID BUGO dan DR. HAJI ABDUL RAHMAN DEEN yang merupakan pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengurusan PUSTAKA NEGERI SARAWAK, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengurusan, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan PUSTAKA NEGERI SARAWAK pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengurusan,

Bagi pihak Lembaga Pengurusan,



TAN SRI DATUK AMAR (DR) HAJI
HAMID BUGO
Pengerusi
Lembaga Pengurusan



DR. HAJI ABDUL RAHMAN DEEN
Ahli
Lembaga Pengurusan


KUCHING, SARAWAK.
Tarikh: 27 APR 2018

KUCHING, SARAWAK.
Tarikh: 27 APR 2018


PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, HAJAH RASHIDAH HAJI BOLHASSAN pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan PUSTAKA NEGERI SARAWAK, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di KUCHING, SARAWAK
pada.....haribulan.....2018
27 APR 2018



Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAH

Suites 8.21 & 8.22
Hock Kui Commercial Centre
Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce
93150 Kuching



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PUSTAKA NEGERI SARAWAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan Dan Perolehan Tertahan serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 13 hingga 26.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pustaka Negeri Sarawak pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan *Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedure) Ordinance, 1995* serta *Sarawak State Library Ordinance, 1999* kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

- i. Kos tambahan aset baharu bagi tahun 2017 adalah berjumlah RM1,291,063. Bagaimanapun, kos tersebut seperti yang dilaporkan di Nota 7 menunjukkan perbezaan sejumlah RM473,790 berbanding dengan Laporan Pergerakan Aset Tetap yang mencatat sejumlah RM817,273. Daripada perbezaan tersebut, sejumlah RM97,348 merupakan aset yang belum didaftarkan dalam Laporan Pergerakan Aset Tetap manakala baki sejumlah RM376,442 masih belum dikenal pasti. Ini menyebabkan kos tambahan pada Loji Dan Peralatan telah terlebih nyata.
- ii. Nilai buku bersih Loji Dan Peralatan setakat 31 Disember 2017 adalah berjumlah RM2,978,625. Bagaimanapun, nilai buku ini seperti yang dilaporkan di Nota 7 menunjukkan perbezaan sejumlah RM48,122 berbanding Laporan Pergerakan Aset Tetap berjumlah RM2,930,503. Ini menyebabkan nilai buku bersih Loji Dan Peralatan telah terlebih nyata.

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Pustaka Negeri Sarawak dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengurusan Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengurusan bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan *Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedure) Ordinance, 1995* serta *Sarawak State Library Ordinance, 1999*. Lembaga Pengurusan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak, Lembaga Pengurusan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Pustaka Negeri Sarawak untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan untuk usaha berterusan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata

yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Pustaka Negeri Sarawak.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengurusan.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengurusan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Pustaka Negeri Sarawak sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengurusan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan *Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedure) Ordinance, 1995* serta *Sarawak State Library Ordinance, 1999*, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Ordinan untuk disimpan oleh Pustaka Negeri Sarawak telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengurusan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(PAUL CHAI SIN NGEE)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KUCHING
TARIKH : 20 AUG 2018



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

	Nota	2017 RM	2016 RM
Aset Bukan Semasa			
Loji dan peralatan	7	2,978,625	2,475,332
Aset Semasa			
Tunai dan kesetaraan tunai	8	41,222,437	50,743,404
Penghutang dan prabayaran	9	812,520	1,204,327
Jumlah Aset Semasa		42,034,957	51,947,731
Jumlah Aset		45,013,582	54,423,063
Ekuiti			
Surplus Terkumpul		13,938,038	13,268,655
Rizab Modal		283	283
Jumlah Ekuiti		13,938,321	13,268,938
Liabiliti Bukan Semasa			
Manfaat pekerja	12	270,123	191,367
Liabiliti Semasa			
Pemiutang	10	3,140,693	2,660,875
Pendahuluan daripada Kerajaan Negeri	11	27,664,445	38,301,883
Jumlah Liabiliti Semasa		30,805,138	40,962,758
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		45,013,582	54,423,063

Nota-nota pada muka surat 68-71 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

	Nota	2017 RM	2016 RM
Hasil kendalian	13	50	633
Lain-lain hasil	14	1,889,092	1,675,939
Geran Kerajaan Negeri	15	37,337,438	24,621,926
Kos pekerja	16	(10,028,682)	(8,291,578)
Susut nilai	7	(783,323)	(677,733)
Lain-lain kos operasi	17	(27,745,192)	(13,968,760)
Surplus bersih daripada operasi		669,383	3,360,427

Nota-nota pada muka surat 68-71 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

	Rizab Modal RM	Lebihan Terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2017	283	13,268,655	13,268,938
Surplus bersih untuk tahun semasa	-	669,383	669,383
Pada 31 Disember 2017	<u>283</u>	<u>13,938,038</u>	<u>13,938,321</u>
	Rizab Modal RM	Lebihan Terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2016	283	9,908,228	9,908,511
Surplus bersih untuk tahun semasa	-	3,360,427	3,360,427
Pada 31 Disember 2016	<u>283</u>	<u>13,268,655</u>	<u>13,268,938</u>

Nota-nota pada muka surat 68-71 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

	Nota	2017 RM	2016 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Surplus dari operasi		669,383	3,360,427
Pelarasan untuk:			
Peruntukan manfaat pekerja		78,756	35,634
Susut nilai loji dan peralatan		783,323	677,733
Kerugian daripada aset tetap yang dilupuskan		3,207	9
Perubahan dalam aktiviti operasi lain		1,240	-
<i>Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja</i>		<u>1,535,909</u>	<u>4,073,803</u>
Kurangan/(Penambahan) dalam penghutang		391,807	(521,657)
Penambahan/(Kurangan) dalam pemiutang		479,818	(490,823)
<i>Tunai bersih dari aktiviti operasi</i>		<u>2,407,534</u>	<u>3,061,323</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian loji dan peralatan		(1,291,063)	(545,071)
Perbelanjaan pembangunan		(15,337,438)	(3,621,926)
<i>Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan</i>		<u>(16,628,501)</u>	<u>(4,166,997)</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBANGUNAN			
Geran Pembangunan diterima		4,700,000	25,400,000
<i>Tunai bersih dari aktiviti pembangunan</i>		<u>4,700,000</u>	<u>25,400,000</u>
(Kurangan)/Penambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		(9,520,967)	24,294,326
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		50,743,404	26,449,078
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	8	<u>41,222,437</u>	<u>50,743,404</u>

Nota-nota pada muka surat 68-71 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1. AKTIVITI UTAMA

Di bawah “Sarawak State Library Ordinance, 1999 – (Chapter 19)” Pustaka Negeri Sarawak (Pustaka) berperanan seperti berikut:-

- (a) Menyediakan maklumat terkini, tepat, sesuai dan mudah diakses dalam pelbagai format sebagai bahan utama untuk perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial Negeri dan warganya.
- (b) Membangun dan menyumbang kepada pangkalan data bibliografi yang sesuai dengan bahan rujukan yang diterbitkan di Sarawak.
- (c) Menjadikan Pustaka sebagai pembekal maklumat Negeri Sarawak.
- (d) Menyertai rangkaian perpustakaan dan perkhidmatan maklumat di peringkat nasional dan antarabangsa.
- (e) Menyediakan persekitaran pembelajaran melalui program dan pameran yang dianjurkan supaya dapat menambah kesedaran tentang kepentingan perkhidmatan maklumat dan mengajar tentang kemahiran penyelidikan maklumat.
- (f) Mengurus dan mentadbir Depositori Negeri dan berfungsi sebagai Pusat Rekod Awam Negeri juga.
- (g) Menubuhkan, mengurus dan menyelenggara arkib awam Negeri.
- (h) Mempromosi amalan pengurusan rekod dan arkib Negeri secara efektif dan efisien.
- (i) Menubuhkan, menyelenggara dan mengurus pusat rekod.
- (j) Menyedia latihan dan tunjuk ajar dalam pengurusan rekod awam dan arkib awam.

2. MEMATUHI PIAWAIAN LAPORAN KEWANGAN

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi *Malaysian Private Entities Accounting Standard* (MPERS) yang dikeluarkan oleh *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB).

3. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pengurusan risiko kewangan Pustaka adalah untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi untuk pembangunan operasi di samping menguruskan kadar faedahnya dan kecairan. Pustaka beroperasi dengan garis panduan jelas mengikut “*The Sarawak State Library Ordinance, 1999*”. Pustaka juga tidak mengambil bahagian dalam transaksi spekulasi.

(a) Risiko Kadar Faedah

Risiko utama kadar faedah berhubung hutang faedah, memandangkan Pustaka tidak mempunyai jumlah besar aset berfaedah jangka panjang pada 31 Disember 2017. Pelaburan dalam aset kewangan pada lazimnya untuk jangka pendek dan ianya tidak dipegang atas tujuan spekulasi.

(b) Risiko Kecairan

Pustaka sentiasa menguruskan profil hutang matang, aliran tunai operasi dan kesediaan bantuan kewangan untuk memastikan bahawa semua keperluan bayaran balik dan bantuan kewangan dapat dipenuhi. Sebagai pengurusan kecairan berhati-hati, Pustaka telah mengekalkan tahap tunai dan setara tunai yang mencukupi untuk memenuhi permintaan modal kerja. Pustaka juga berusaha untuk mengekalkan kedudukan kecairan pada tahap yang munasabah kepada keseluruhan kedudukan hutangnya.

4. ASAS PENYEDIAAN

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah.

Pengurusan telah menggunakan anggaran dan andaian dalam mengukur jumlah aset dan liabiliti pada akhir tempoh pelaporan serta amaun hasil dan perbelanjaan sepanjang tempoh laporan ini. Pertimbangan dan andaian yang digunakan dalam pengukuran, dan dengan itu, keputusan sebenar mungkin bertepatan dengan jumlah yang dilaporkan. Perkara yang melibatkan pertimbangan dan ketidaktentuan anggaran penting dinyatakan dalam Nota 6.

5. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Buku Perpustakaan

Buku perpustakaan tidak dipermodalkan.

(b) Loji Dan Peralatan

Aset nyata operasi yang digunakan untuk lebih daripada satu tempoh perakaunan bagi pengeluaran dan pembekalan barang dan perkhidmatan, untuk tujuan pentadbiran atau disewa kepada orang lain diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan apabila Pustaka memperoleh kawalan aset. Aset, termasuk alat ganti utama, peralatan yang diservis, dan peralatan gantian, dikelaskan ke dalam kelas yang sesuai berdasarkan kepada jenisnya. Sebarang penggantian berikutnya bagi komponen penting dalam aset yang sedia ada dipermodalkan sebagai komponen baru dalam aset dan komponen yang lama tidak lagi diiktiraf.

Semua loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Bagi aset yang dibeli, kos terdiri daripada harga pembelian tambah semua kos langsung yang ditanggung dalam membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan untuk digunakan pihak pengurusan. Bagi aset yang dibina sendiri, kos terdiri daripada semua kos langsung dan tidak langsung pembinaan (termasuk peruntukan bagi membaik pulih dan kos pemeriksaan utama) tetapi tidak termasuk keuntungan dalaman.

Loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai. Susut nilai diperuntukan mengikut kaedah garis lurus supaya memansuhkan kos setiap harta di sepanjang anggaran hayat kegunaannya. Kaedah pengiraan susut nilai telah diubah dari asas tahunan ke asas bulanan mulai dari tahun 2001.

Loji dan peralatan diturunkan nilai pada amaun yang boleh didapatkan balik jika amaun yang boleh didapatkan balik kurang dari nilai buku bersih. Amaun yang boleh didapatkan balik adalah amaun yang lebih tinggi antara harga jualan aset bersih atau amaun yang digunakan.

Kadar-kadar tahunan susut nilai adalah seperti berikut:-

Kelengkapan Pejabat	20%
Perabot dan Peralatan	10%
Komputer dan Aksesori	20%
Kenderaan	20%
Pengubahsuaian Bangunan	10%

(c) Geran Kerajaan Negeri

Pustaka tidak mengiktiraf geran kerajaan termasuk geran bukan kewangan pada nilai saksama, sehingga ada jaminan yang munasabah bahawa organisasi akan mematuhi syarat-syarat yang disertakan bersama geran dan geran tersebut akan diterima.

Geran kerajaan Pustaka termasuk bantuan kerajaan untuk penyediaan dalam projek-projek sosial di kawasan yang belum dibangunkan yang mungkin tidak mempunyai syarat-syarat yang khusus berkaitan dengan aktiviti operasi Pustaka.

Semua geran kerajaan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan secara sistematik sepanjang tempoh di mana Pustaka mengiktiraf sebagai perbelanjaan kos berkaitan yang mana geran adalah bertujuan untuk membayar ganti rugi. Apa-apa baki yang belum diiktiraf dalam untung atau rugi dikira sebagai pendapatan tertunda seperti liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan.

Geran yang berkaitan dengan aset bukan kewangan dan geran lain yang diterima tetapi belum diiktiraf dalam untung atau rugi ditunjukkan sebagai pendapatan tertunda dan diiktiraf dalam untung atau rugi atas dasar garis lurus sepanjang hayat berguna aset yang berkaitan atau berdasarkan syarat-syarat bantuan yang diterima, yang mana berkenaan.

i. Geran Operasi

Geran Operasi diterima untuk aktiviti operasi atau penyelenggaraan aktiviti-aktiviti dan dikredit ke Penyata Pendapatan.

ii. Geran Pembangunan

Geran Pembangunan diterima untuk aktiviti projek pembangunan atau penyelenggaraan projek pembangunan dan dikredit ke Pendahuluan daripada Kerajaan Negeri di bawah Liabiliti Semasa.

(d) Cukai Tertanggung

Peruntukan dibuat berdasarkan kaedah liabiliti untuk cukai tertanggung disebabkan perbezaan masa, kecuali ada kemungkinan perbezaan masa akan berterusan pada masa hadapan. Perbezaan masa yang menyebabkan baki cukai tertanggung didebitkan tidak akan dicatat melainkan ada jangkaan yang munasabah untuk merealisasikannya.

(e) Kemudahan Kakitangan

Pustaka mengiktiraf tanggungan apabila pekerja telah menyediakan perkhidmatan sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja yang akan dibayar pada masa depan dan perbelanjaan apabila Pustaka diberikan oleh pekerja sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja.

5. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(e) Kemudahan Kakitangan (sambungan)

Kemudahan jangka pendek untuk kakitangan

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar serta cuti sakit, bonus dan faedah/kemudahan bukan dalam bentuk wang untuk kakitangan adalah diambil kira di dalam tempoh di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan Pustaka.

Pelan caruman tetap

Caruman Pustaka kepada skim/kumpulan wang tetap adalah dicajkan kepada penyata pendapatan di dalam tempoh di mana ia berlaku. Tanggungan Pustaka adalah dianggap tamat sebaik pembayaran caruman dibuat.

Menurut peruntukan undang-undang, agensi-agensi di Malaysia perlu membuat caruman kepada Skim Pencen sama ada Kumpulan Wang Amanah Pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman-caruman tersebut dianggap sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan di dalam tempoh di mana ia berlaku.

6. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

Ketidakpastian anggaran

Pengukuran beberapa aset dan liabiliti memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran berdasarkan pelbagai input yang boleh diperhatikan dan andaian lain. Antara item yang tertakluk kepada ketidaktentuan anggaran penting Pustaka adalah dalam mengukur: (a) peruntukan; dan (b) susut nilai hartanah, loji dan peralatan.

(a) Pengukuran Peruntukan

Pustaka menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur peruntukan. Pengurusan menilai anggaran berdasarkan pengalaman sejarah Pustaka dan input lain atau andaian, perkembangan semasa dan peristiwa masa hadapan yang secara munasabahnya dalam hal keadaan tertentu. Jika kewajipan adalah untuk diselesaikan lebih masa, aliran keluar dijangka didiskaun pada kadar yang mengambil kira nilai masa wang dan risiko bahawa keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat dan ini akan membawa kesan yang besar ke atas kedudukan kewangan dan keputusan organisasi.

(b) Susut nilai loji dan peralatan

Kos sesuatu item loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus atau kaedah lain yang sistematik yang mencerminkan konsumsi manfaat ekonomi aset sepanjang hayat. Anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai sisa. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi daripada loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh membawa kepada keuntungan dan kerugian atas pelupusan akhir item loji dan peralatan.

7. LOJI DAN PERALATAN

	Kelengkapan Pejabat	Perabot dan Peralatan	Komputer dan Aksesori	Kenderaan	Pengubahsuaian Bangunan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Tahun 2017						
<u>Kos</u>						
Pada 1.1.2017	2,091,995	846,455	2,309,748	270,896	93,105	5,612,199
Tambahan	532,323	103,151	655,589	-	-	1,291,063
Pelupusan	(71,094)	(27,292)	-	-	-	(98,386)
Pada 31.12.2017	<u>2,553,224</u>	<u>922,314</u>	<u>2,965,337</u>	<u>270,896</u>	<u>93,105</u>	<u>6,804,876</u>
<u>Susut nilai</u>						
<u>Terkumpul</u>						
Pada 1.1.2017	1,452,509	586,441	905,703	146,739	45,475	3,136,867
Tambahan	290,429	42,839	407,508	34,537	8,010	783,323
Pelupusan	(69,434)	(24,505)	-	-	-	(93,939)
Pada 31.12.2017	<u>1,673,504</u>	<u>604,775</u>	<u>1,313,211</u>	<u>181,276</u>	<u>53,485</u>	<u>3,826,251</u>
<u>Nilai Buku Bersih</u>						
Pada 31.12.2017	<u>879,720</u>	<u>317,539</u>	<u>1,652,126</u>	<u>89,620</u>	<u>39,620</u>	<u>2,978,625</u>

	Kelengkapan Pejabat	Perabot dan Peralatan	Komputer dan Aksesori	Kenderaan	Pengubahsuaian Bangunan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Tahun 2016						
<u>Kos</u>						
Pada 1.1.2016	1,917,004	787,861	2,013,278	429,617	93,105	5,240,865
Tambahan	187,363	61,238	296,470	-	-	545,071
Pelupusan	(12,372)	(2,644)	-	(158,721)	-	(173,737)
Pada 31.12.2016	<u>2,091,995</u>	<u>846,455</u>	<u>2,309,748</u>	<u>270,896</u>	<u>93,105</u>	<u>5,612,199</u>
<u>Susut nilai</u>						
<u>Terkumpul</u>						
Pada 1.1.2016	1,243,009	551,398	530,069	270,921	37,465	2,632,862
Tambahan	221,866	37,686	375,634	34,537	8,010	677,733
Pelupusan	(12,366)	(2,643)	-	(158,719)	-	(173,728)
Pada 31.12.2016	<u>1,452,509</u>	<u>586,441</u>	<u>905,703</u>	<u>146,739</u>	<u>45,475</u>	<u>3,136,867</u>
<u>Nilai Buku Bersih</u>						
Pada 31.12.2016	<u>639,486</u>	<u>260,014</u>	<u>1,404,045</u>	<u>124,157</u>	<u>47,630</u>	<u>2,475,332</u>

Merujuk kepada *Sarawak State Library Ordinance, 1999, Part II, No. 6. Ownership of State Library Property*; “All properties, movable or immovable, for the use of the State Library or to enable the State Library to undertake or fulfill its statutory functions and powers and to provide the services envisaged under this Ordinance, shall be the property of the Government, and may, if so directed by the *Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*, be vested in the name of the Council or such other body as the *Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri* may determine.”

8. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2017 RM	2016 RM
Wang tunai	768	539
Tunai di bank	5,334,700	1,187,738
Simpanan tetap di bank berlesen	35,886,969	49,555,127
Jumlah	41,222,437	50,743,404

9. PENGHUTANG DAN PRABAYARAN

	2017 RM	2016 RM
Penghutang	492,505	976,960
Prabayaran:		
Insuran	230,536	170,211
<i>On-line Database and Magazine</i>	3,655	836
<i>Security System Tag</i>	80,646	54,060
Lain-lain prabayaran	5,178	2,260
Jumlah	812,520	1,204,327

10. PEMIUTANG

	2017 RM	2016 RM
Lain-lain pemiutang	3,003,356	2,158,381
Deposit dan wang tahanan	137,337	502,494
Jumlah	3,140,693	2,660,875

11. PENDAHULUAN DARIPADA KERAJAAN NEGERI

Tahun 2017	Baki	Terimaan	Perbelanjaan	Baki
	1.1.2017			31.12.2017
	RM	RM	RM	RM
(a) Latihan & Pembangunan Sumber Manusia	142,587	200,000	188,817	153,770
(b) Pembangunan Koleksi Am	1,604,962	2,400,000	2,302,076	1,702,886
(c) Pembangunan Taman Awam dan Lanskap	173,543	700,000	299,714	573,829
(d) Pustaka Sibul	29,921,815	-	11,095,000	18,826,815
(e) Pemuliharaan Bahan-bahan Arkib dan Program	-	1,000,000	1,000,000	-
(f) <i>Digitising Equipment of Microfilms Government Record</i>	100	-	-	100
(g) <i>Research On Reading Habits</i>	5,333	-	5,260	73
(h) <i>State Archive Building</i>	5,656,947	-	282,866	5,374,081
(i) <i>Microfilm and Digitization of Documents</i>	796,596	400,000	163,705	1,032,891
	38,301,883	4,700,000	15,337,438	27,664,445

Tahun 2016	Baki	Terimaan	Perbelanjaan	Baki
	1.1.2016			31.12.2016
	RM	RM	RM	RM
(a) Latihan & Pembangunan Sumber Manusia	7,097	200,000	64,510	142,587
(b) Pembangunan Koleksi Am	1,201,846	2,400,000	1,996,884	1,604,962
(c) Pembangunan Taman Awam dan Lanskap	202,999	200,000	229,456	173,543
(d) Pustaka Sibul	14,929,846	15,000,000	8,031	29,921,815
(e) Pemuliharaan Bahan-bahan Arkib dan Program	124,588	1,000,000	1,124,588	-
(f) <i>Digitising Equipment of Microfilms Government Record</i>	100	-	-	100
(g) <i>Research On Reading Habits</i>	57,333	-	52,000	5,333
(h) <i>State Archive Building</i>	-	5,800,000	143,053	5,656,947
(i) <i>Microfilm and Digitization of Documents</i>	-	800,000	3,404	796,596
	16,523,809	25,400,000	3,621,926	38,301,883

12. MANFAAT PEKERJA

	2017	2016
	RM	RM
Gantian cuti rehat BUKAN SEMASA Tahun Semasa	270,123	191,367

13. HASIL KENDALIAN

	2017	2016
	RM	RM
Yuran keahlian dan tahunan		306
Servis maklumat niaga	50	327
Jumlah	50	633

14. LAIN-LAIN HASIL

	2017 RM	2016 RM
Denda	33,418	25,084
Auditorium	51,525	67,240
Bilik seminar/mesyuarat/diskusi/konferan	56,403	54,953
Galeri pameran	54,350	47,100
Kafeteria dan kedai buku	26,100	39,600
Faedah dari simpanan tetap	1,541,750	1,233,893
Lain-lain hasil	125,546	208,069
Jumlah	1,889,092	1,675,939

15. GERAN KERAJAAN NEGERI

	2017 RM	2016 RM
Geran Operasi	22,000,000	21,000,000
Geran Pembangunan	15,337,438	3,621,926
Jumlah	37,337,438	24,621,926

16. KOS PEKERJA

	2017 RM	2016 RM
Gaji dan elaun	8,707,749	7,066,160
KWSP	986,000	873,641
PERKESO	6,953	17,229
Subsidi	124,868	124,987
Pakaian seragam	21,002	30,022
Perubatan	182,110	179,539
Jumlah	10,028,682	8,291,578
Bilangan kakitangan	162 orang	148 orang

17. LAIN-LAIN KOS OPERASI

	2017	2016
	RM	RM
Pengawal keselamatan	318,901	1,059,502
Perbelanjaan pejabat	522,721	494,938
Pengangkutan dan perjalanan	353,961	340,544
Pencetakan	260,772	209,117
Penyelenggaraan <i>Security System Tag</i>	81,534	106,080
Penyelenggaraan bangunan	2,330,667	707,684
Elaun Ahli Lembaga Pengurusan	81,600	83,420
Keraian dan jamuan awam	172,897	119,672
Latihan	450,888	298,878
Insuran	330,485	299,999
Elektrik	1,111,499	1,099,973
Air	29,494	31,000
Telefon	107,030	99,736
Perhubungan awam dan pemasaran	117,213	95,937
Honorarium	18,592	13,501
Pembersihan bangunan	366,953	354,087
Sewa	48,087	49,537
Baki dibawa ke bawah	6,703,294	5,463,605

17. LAIN-LAIN KOS OPERASI (sambungan)

	2017	2016
	RM	RM
Baki dibawa ke hadapan	6,703,294	5,463,605
Yuran profesional	3,344	5,999
Penyelenggaraan taman dan landskap	441,181	283,358
Yuran audit	3,572	4,500
<i>Online Database</i>	550,000	500,000
Majalah dan Jurnal	246,444	277,932
Penyelenggaraan koleksi	17,942	18,858
<i>Acquisition of Sarawakiana materials</i>	129,149	136,460
Perbelanjaan "BIS"	-	9,000
Servis komunikasi awam	48,933	49,879
<i>Legal Deposit</i>	120,360	110,828
<i>Record Management</i>	143,713	187,732
<i>Archive Management</i>	263,511	278,703
Kempen membaca	194,669	144,536
<i>Outreach programme</i>	189,535	155,281
<i>Leasing/ rental of multimedia computers</i>	230,401	244,652
<i>Angkasa Library System Maintenance</i>	97,865	150,000
<i>ICT professional services</i>	304,818	256,391
<i>Support & Maintenance Of Platform Equipment</i>	271,599	226,014
<i>Dedicated Internet Access</i>	103,608	103,456
<i>Support & Maint. Of Wireless LAN</i>	93,954	99,686
<i>Support & Maintenance SRR Platform Equipment</i>	197,442	120,000
<i>Maintenance Union Catalogue Sarawak</i>	168,508	168,423
<i>Support & Maintenance CCTV, Fingerprint</i>	79,997	79,995
<i>Angkasa Library System Perpustakaan Awam</i>	276,070	220,000
<i>State KM Portal</i>	115,827	129,965
Perbelanjaan pembangunan	15,337,438	3,621,926
Lain-lain perbelanjaan	1,412,018	921,581
Jumlah	27,745,192	13,968,760

18. PERCUKAIAN

Peruntukan cukai

Kementerian Kewangan di bawah Seksyen 127 (3)(b) telah memberi pengecualian cukai pendapatan kepada Pustaka Negeri Sarawak berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1999.

Cukai tertangguh

Peruntukan sementara amaun boleh cukai/dibenarkan sebagai tolakan cukai adalah tidak matan untuk diambil kira sebagai aset/liabiliti cukai tertangguh.

19. ANGKA PERBANDINGAN

Beberapa angka perbandingan dilaraskan di mana perlu selaras dengan persembahan penyata kewangan pada tahun semasa.

20. MATA WANG FUNGSIAN

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsian Pustaka.



PUSTAKA NEGERI SARAWAK (SARAWAK NEGERI SARAWAK)

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium, 93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak, Malaysia

☎ 6 082 442000 | 📠 6 082 449944 | @ librarian@sarawak.gov.my

🌐 www.pustaka-sarawak.com